



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	10/9/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 29
JABATAN	:	JUPEM		

Alur sungai di Gunung Jerai berubah

YAN - Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) mengesan beberapa alur sungai di Gunung Jerai telah berubah hasil pemetaan baharu yang dilakukan menerusi kerja-kerja pengumpulan data geospasial dengan kaedah pemetaan di udara.

Ketua Pengarah Jupem, Datuk Dr Azhari Mohamed berkata, pihaknya menyewa sebuah kapal terbang untuk membantu melakukan kerja-kerja pengumpulan data geospasial dengan kaedah pemetaan dari udara di sekitar Gunung Jerai selepas dron yang cuba diterbangkan berdepan pelbagai halangan seperti hujan dan angin kuat.

Menurutnya, langkah tersebut dilakukan pada 21 Ogos hingga 4 September lalu bagi membantu untuk membuat pemetaan semula di kawasan

terjejas selain terdapat beberapa kawasan yang dikesan berubah terutama di lereng-lereng gunung.

“Perubahan bentuk muka bumi yang berlaku di sekitar Gunung Jerai akibat bencana geologi dan aliran puing bulan lalu akan dipetakan sepenuhnya sebagai rujukan kepada agensi teknikal lain.

“Peta baharu dan data geospasial yang diperoleh ini diperlukan terutamanya oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan pihak tersebut akan membuat penilaian semula berhubung kawasan bencana yang terlibat,” katanya pada sidang akhbar di Pusat Rekreasi Titi Hayun dekat sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian selepas melakukan tinjauan kemajuan penyediaan data geospasial bencana banjir di Gunung Jerai.



Sinar, 10 Sept
2021_29

Azhari (dua dari kiri) melakukan tinjauan dan melihat aliran sungai di Pusat Rekreasi Titi Hayun, Yan pada Khamis.

